



## SIARAN MEDIA

### PROGRAM PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK) PRIHATIN DAN BANTU GOLONGAN OKU UNTUK BERDIKARI

GEORGE TOWN, 19 JULAI – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyempurnakan Majlis Interaksi Bersama Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Negeri Pulau Pinang yang diadakan di sini.

Program PDK merupakan strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial orang kurang upaya (OKU). Sebanyak 562 buah PDK telah ditubuhkan sejak 36 tahun lagi dan telah menjadi alternatif kepada 20,404 pelatih PDK yang tidak mendapat pendidikan di sekolah pendidikan khas, program pendidikan khas integrasi (PPKI) atau dalam pendidikan inklusif.

Dalam pada masa yang sama, YB Datuk Seri Rina Mohd Harun juga menggalakkan ibu bapa atau penjaga kepada golongan OKU untuk membuat pendaftaran dengan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah terdekat. Golongan OKU yang mendaftar akan mendapat manfaat serta bantuan yang disediakan oleh Kerajaan.

Keprihatinan kerajaan kepada OKU juga terbukti apabila Kerajaan telah mengkhususkan peruntukan untuk OKU melalui Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA). Insentif PENJANA mengumumkan 190,000 golongan OKU yang berdaftar dan penerima bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat layak menerima bantuan one-off sebanyak RM 300.00 bagi mengurangkan beban mereka ketika ini.

Di majlis ini, YB Datuk Seri Rina telah menyerahkan cek berjumlah RM3.4 juta kepada 25 PDK di Negeri Pulau Pinang bagi menampung pemberian elaun pelatih OKU, saguhati penyelia dan petugas, sewaan premis dan utiliti. Bantuan kewangan ini adalah untuk memastikan program dan aktiviti harian PDK berjalan lancar termasuk program pemulihan dan pembangunan dengan penglibatan aktif keluarga dan masyarakat setempat.

Turut hadir Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang dalam majlis tersebut.

03-83231773